



ABD. HALIM ABD LATIF (tengah) bergambar bersama pemenang acara Matrix Titan Challenge di Bandar Seri Sendayan, Seremban, Negeri Sembilan, semalam. Turut kelihatan Mohamad Haslah Mohamad Amin (empat dari kanan) dan Lee Tian Hock (dua dari kiri).

1,600 peserta sertai Matrix Titan

SEREMBAN 25 Sept. - Seramai 1,600 peserta hadir memeriahkan acara 'Matrix Titan Challenge' anjuran syarikat pemaju harta tanah, Matrix Concepts Holdings Berhad (Matrix Concepts), semalam.

Eksekutif Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awamnya, Anisah Zaid berkata, acara yang berlangsung di Bandar Seri Sendayan itu dirasmikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seremban, Datuk Abd. Halim Abd Latif.

"Peserta yang menyertai acara ini adalah dari Negeri Semb-

ilan, Lembah Klang, Sabah dan Sarawak melibatkan dua kategori utama iaitu terbuka lelaki dan wanita serta Fun Run dengan jarak larian sejauh tiga kilometer.

"Acara ini menguji ketahanan peserta menerusi tujuh halangan fizikal dan bagi juara kategori terbuka, mereka membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,888," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Turut hadir pada acara tersebut adalah Pengurus Matrix Concepts, Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin dan Pengarah

Urusan Kumpulan, Datuk Lee Tian Hock.

Menurut Anisah, terdapat pelbagai acara sampingan turut disediakan khusus untuk kanak-kanak seperti lompat bungee, memanjat dinding dan contengan muka.

Selain itu katanya, Matrix Concept turut melaksanakan kutipan derma yang disumbangkan kepada tiga organisasi terpilih iaitu Malaysia Lysosomal Diseases Association, Rumah Perlindungan Wanita dan Kanak-kanak dan Kiwanis Down Syndrome Foundation di Kluang, Johor.